

- Rekod projek besar boleh dikecualikan daripada ARR

# Kerajaan sedia beri bukti

Oleh NAZAR ABDUL

**KUALA KUBU BARU, Sabtu** — Kerajaan bersedia mengecualikan rekod-rekod penting Majlis Tindakan Negara (MTN) dan kabinet daripada kuatkuasa Akta Rahsia Rasmi (ARR) jika ia didapati perlu untuk membolehkan rakyat mengetahui kedudukan sebenar projek-projek yang didakwa sebagai mewah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu akan diambil jika difikirkan perlu dan penting diketahui oleh rakyat bagi menghapuskan sebarang keraguan dan salah faham mengenai projek-projek itu.

"Kerajaan sanggup menyerahkan semua maklumat kepada semua pihak untuk dibaca dari awal hingga akhir supaya mereka mendapat gambaran jelas mengenai projek-projek itu," kata Datuk Seri Dr Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat

agung perwakilan Umno Bahagian Ulu Selangor, di Sekolah Menengah Agama Kuala Kubu Baru di sini, petang ini.

Menurutnya, rekod-rekod itu akan menjelaskan kedudukan sebenar projek-projek itu bagi menjawab tuduhan-tuduhan sesetengah pihak yang mengatakan kerajaan melaksanakannya tanpa mengikut saluran tertentu.

### Fitnah semata-mata

Perdana Menteri tidak menyebut pihak-pihak yang membuat tuduhan itu, tetapi Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam, dalam ucapannya di Pontian malam berkata beliau membantah pelaksanaan projek-projek besar yang didakwa sebagai mewah, termasuk projek kereta nasional dan Jambatan Pulau Pinang.

Perdana Menteri berkata, rekod-rekod itu ada di tangan kerajaan dan ia masih dianggap sebagai rahsia rasmi.

"Tetapi sekiranya ia dianggap perlu diketahui oleh rakyat, kita terpaksa mendedahkan maklumat-maklumat itu bagi menghapuskan kegelisahan dan kekeliruan mereka," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata,

oleh kerana maklumat-maklumat itu tidak dianggap paling penting di segi keselamatan, kerajaan bersedia memberi kelonggaran daripada kuatkuasa ARR.

Menurutnya, maklumat-maklumat mengenai projek-projek itu lebih berbentuk peraturan-peraturan mesyuarat Majlis Tindakan Negara (MTN) dan kabinet.

Perdana Menteri juga meminta tokoh-tokoh Umno yang berkempen untuk pemilihan parti April ini jangan menyebarkan fitnah mengenai projek-projek itu kerana ia boleh menimbulkan kebencian di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin Umno sendiri.

"Adalah penting mereka menyatakan yang benar dan tidak membuat fitnah semata-mata untuk memenangi sesuatu jawatan," tegasnya.

Beliau juga meminta mereka jangan menyalahkan kerajaan semata-mata berikutan kelesapan ekonomi negara sekarang kerana seluruh dunia terbabit.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan kempen yang menonjolkan keburukan-keburukan akan menjejaskan usaha-usaha memulih dan membangunkan ekonomi negara, yang akhirnya akan merugikan rakyat, khususnya orang Melayu.